

Pesakit terpaksa keluar awal pagi, tunggu giliran berjam-jam

Klinik macam sardin dalam tin

kosmo 25/6/12 MS19

Oleh MOHD. ZAINI SAMSU HADI
zaini.hadi@kosmo.com.my



LATIFF SALIM



NORZILAH

GOMBAK - Padat macam sardin dalam tin.

Itu gambaran keadaan di Klinik Kesihatan Gombak Setia di sini hampir setiap hari.

Ruang yang sempit menimbulkan rasa kurang selesa pesakit yang menunggu giliran mendapatkan rawatan dan premis itu tidak mampu menampung kehadiran ramai pesakit serentak.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, ada pesakit yang terpaksa menunggu di luar premis selama berjam-jam ekoran keadaannya sempit dan kekurangan tempat duduk.

Senario yang sama juga berlaku di klinik ibu mengandung yang terletak bersebelahannya.

Kedua-dua klinik itu yang mula dibuka awal tahun ini dikatakan menerima kehadiran lebih 100 orang pesakit setiap hari sedangkan ia mampu menampung pada kadar 50 pesakit sahaja pada satu-satu masa.

Rata-rata mereka yang ditemui memberitahu, keadaan itu menyeksakan mereka kerana terpaksa berdiri lama menunggu giliran bagi pemeriksaan doktor.

Difahamkan, pesakit yang berkunjung ke klinik itu bukan sahaja

datang dari kawasan Gombak Setia malah datang dari beberapa kawasan berhampiran ekoran ketiadaan klinik kesihatan lain berdekatan kawasan mereka.

Difahamkan, klinik kesihatan terbabit mempunyai empat orang doktor dan lima jururawat manakala klinik ibu mengandung pula dua doktor dan tiga jururawat. Kesemua mereka bekerja secara syif.

Mengulas perkara yang sama, Pengerusi Panel Penasihat Klinik Kesihatan Gombak Setia, Latiff Salim berkata, perkara itu sudah diajukan banyak kali kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Katanya, sebanyak tujuh kali lawatan oleh pihak kementerian telah dibuat tetapi setakat ini, ia masih belum ada sebarang perubahan.

"Hingga kini tiada sebarang tindakan diambil dan belum dapat diselesaikan lagi," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Latiff, Menteri Kesihatan,

Datuk Seri Liow Tiong Lai dan timbalannya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin sendiri pernah mengadakan lawatan ke klinik itu dan sudah diberi taklimat mengenai jumlah pesakit yang meningkat di kawasan Gombak Setia.

Seorang pesakit, **Norzilah Mohd. Alias**, 33, memberitahu, sudah tiba masa kerajaan menaik taraf klinik berkenaan ekoran peningkatan jumlah pesakit yang semakin ramai setiap hari.

Lagi pun, ujannya, mereka yang berkunjung ke klinik terbabit kebanyakannya merupakan warga emas.

"Saya kasihan tengok orang-orang tua yang tidak dapat tempat duduk dan kanak-kanak kerana keadaan klinik ini sempit kerana terlalu ramai pesakit yang datang," katanya.

Bagi **Aishah Samah**, 35, pula.



PADAT. Beginilah keadaan pesakit yang sudah memenuhi ruang menunggu di Klinik Kesihatan Gombak Setia, Gombak baru-baru ini.

keadaan lebih teruk di klinik kesihatan ibu mengandung apabila jumlah wanita yang ingin mendapatkan pemeriksaan sentiasa penuh.

Akibat terlalu ramai, keadaan di klinik itu juga panas menyebabkan keadaan tidak selesa.

Sementara itu, seorang lagi pesakit, **Rokman Ujud**, 58, berkata, keadaan yang menyeksakan di klinik tersebut berlaku seawal pukul

7 pagi apabila pesakit berebut-rebut untuk mendapatkan nombor giliran masing-masing.

"Saya sendiri kalau kena pergi klinik ini terpaksa keluar dari rumah seawal pukul 5.30 pagi untuk mendapatkan nombor giliran kerana tidak mahu menunggu lama," katanya.

Menurutnya, pesakit yang datang bukan sahaja dari Gombak tetapi dari Kuala Lumpur.